



**Semua Ketua Jabatan**

**PULAU PINANG**

**Semua Pegawai Daerah**

**PULAU PINANG**

**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI  
BILANGAN 6 TAHUN 2020**

**PINDAAN KEPADA SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI BIL. 4  
TAHUN 2019: MENERIMA PAKAI KESELURUHAN PEKELILING  
PERBENDAHARAAN DALAM PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI  
PULAU PINANG**

**1. TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan Ketua-Ketua Jabatan mengenai pindaan kepada garis panduan yang telah disediakan dalam Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 4 Tahun 2019.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 Surat edaran mengenai pemakaian keseluruhan kandungan Pekeliling Perbendaharaan dalam Pentadbiran Kerajaan Negeri

Pulau Pinang berkuat kuasa pada 1 Januari 2020 telah diedarkan kepada semua Jabatan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri melalui surat Jabatan Kewangan Negeri rujukan: JKNPP/(S)05/09/1 Jld.2 (18) bertarikh 20 Disember 2019.

- 2.2 Pemakaian keseluruhan Pekeliling Perbendaharaan yang dimaksudkan ini turut melibatkan semua perolehan bekalan, perkhidmatan atau kerja yang diberi peruntukan/pembentukan Kerajaan Negeri, meliputi semua agensi pelaksana, kecuali Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri yang telah menyediakan prosedur operasi standard (SOP) kewangan dan perolehan yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah masing-masing.
- 2.3 Bagi mematuhi urusan berkaitan perolehan Kerajaan, amalan tadbir urus yang baik hendaklah dilaksanakan dengan mematuhi 5 prinsip asas perolehan iaitu akauntabiliti awam, diurus secara telus, nilai faedah terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama. Setiap perolehan juga perlu dirancang dengan teliti pada awal tahun agar pelaksanaannya teratur dan memberikan pulangan yang baik kepada Kerajaan.

### **3. KAEDAH PELAKSANAAN PROJEK P.16 (02) DAN (03)**

- 3.1 Mengikut Pekeliling Perbendaharan PK 2.1 – *Kaedah Perolehan Kerajaan*, perolehan kerja yang bernilai tidak melebihi RM20,000 boleh dibuat secara lantikan terus di kalangan kontraktor Gred G1

yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) serta mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB).

- 3.2 Walau bagaimanapun, Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Bilangan 42/2020 yang bersidang pada 2 Disember 2020 telah memutuskan bahawa bagi projek bernilai kurang daripada RM20,000.00, pelantikan kontraktor boleh dikenal pasti oleh Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan dibuat secara lantikan terus di kalangan kontraktor tempatan di daerah berkenaan yang berdaftar dengan CIDB di bawah kepala dan sub kepala yang berkaitan.
- 3.3 Berdasarkan keputusan tersebut, pengecualian SPKK dan STB adalah diberikan bagi perlantikan kontraktor melalui perolehan yang menggunakan peruntukan ADUN di bawah Maksud Pembangunan P.16 (02) yang bernilai kurang daripada RM20,000.00 dan perlantikan boleh dibuat secara lantikan terus di kalangan kontraktor Gred G1 tempatan di dalam daerah berkenaan yang berdaftar dengan CIDB seperti yang disyaratkan di bawah Seksyen 25 Akta 520 (Pindaan 2011).
- 3.4 Bagi perolehan selain daripada yang dinyatakan di atas, **SPKN Bil 4 Tahun 2019 adalah masih terpakai.**
- 3.5 Sehubungan itu juga, **Perenggan 5 (b)(iii) dalam Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 3 Tahun 2010 – Garis Panduan Pelaksanaan Projek-Projek Di Bawah Maksud Pembangunan P.16(02) dan (03) adalah terbatal.**

#### **4. PENGECUALIAN DARIPADA PELAKSANAAN KAEADAH PEROLEHAN YANG DITETAPKAN**

- 4.1 Pengecualian daripada pelaksanaan kaedah perolehan yang dinyatakan di atas adalah tidak dibenarkan sama sekali melainkan bagi kes-kes kecemasan di mana kelulusan daripada Pihak Berkuasa Kewangan Negeri hendaklah diperolehi terlebih dahulu.
- 4.2 Surat pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali bersama Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 4/2019 dan Pekeliling Perbendaharaan.

#### **5. TARIKH KUAT KUASA**

Surat Pekeliling Kewangan Negeri ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2021**.

Sekian, terima kasih.

**“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' DR. MOHAMAD FARAZI BIN JOHARI)**  
Pegawai Kewangan Negeri  
Pulau Pinang

Tarikh: 3 / Disember 2020

**Salinan Kepada:**

1. YAB Ketua Menteri

Pulau Pinang

2. YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Pulau Pinang

3. YB Penasihat Undang-Undang Negeri

Pulau Pinang